

JENAYAH SYARIAH GOLONGAN MAK NYAH: ISU DAN MASALAH PENGUATKUASAAN DI NEGERI MELAKA

Mohd Arif Ariffin Abu Bakar¹ & Siti Zubaidah Ramli²

Abstrak

Gejala mak nyah dalam kalangan masyarakat Islam Malaysia merupakan satu fenomena yang semakin ketara dan amat membimbangkan. Kelompok mak nyah ini semakin aktif menubuhkan persatuan dan menuntut hak mereka di bawah undang-undang bagi mewajarkan tindakan mereka dan seterusnya memperjuangkan hak yang sama seperti orang lain, terutamanya hak untuk bebas berkahwin dan berkeluarga. Pihak kerajaan telah mengambil langkah berterusan bagi mengatasi fenomena ini terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam di antaranya Malaysia menerusi pendekatan pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang yang dilakukan oleh organisasi tertentu seperti Pegawai Penguatkuasa Agama. Kejayaan pelaksanaan undang-undang ini bergantung kepada keberkesanan penguatkuasaan pihak Pegawai Penguatkuasa Agama. Justeru, kajian ini meneliti konsep penguatkuasaan jenayah syariah bagi golongan mak nyah dan peranan penguatkuasaan khususnya di Negeri Melaka serta mengenalpasti isu dan halangan yang dihadapi dalam usaha menguatkuasakan peruntukan undang-undang terhadap golongan mak nyah. Hasil kajian mendapati penguatkuasaan undang-undang di Melaka masih tidak mencapai tahap cermelang. Antara faktornya adalah kelemahan peruntukan undang-undang syariah terhadap golongan ini serta kekurangan Pegawai Penguatkuasa Agama, peralatan dan gerakan operasi. Usaha bagi menambah baik penguatkuasaan ini perlu dibuat secara berterusan berdasarkan keperluan semasa supaya penguatkuasaan agama boleh menjadi sebuah agensi yang relevan bagi menangani kesalahan syariah golongan maknyah dan dapat menangani isu-isu moral yang wujud khususnya di Melaka.

Kata kunci: *jenayah syariah, mak nyah, penguatkuasaan, undang-undang*

¹ Penulis adalah pelajar Sarjana Syariah, Fakulti Keilmuan Islam (FKI), Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

² Penulis adalah pensyarah, Fakulti Keilmuan Islam (FKI) Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Emel: sitizubaidah@kuim.edu.my

THE SHARIA CRIMINAL TRANSVERSTITES: MALACCA ENFORCEMENT ISSUES AND PROBLEMS

Abstract

Symptoms of “Mak Nyah” or transvestism among the Muslim society in Malaysia is one of the phenomena that is increasingly substantial and concerning. What makes it more concerning is that the group of transvestist which is currently growing in number is actively building their territory by creating foundations and claiming their rights under the law to justify their actions and to fight for the same rights as everyone else, especially the right to freedom to marry and have a family. The government has continued to take steps to overcome this phenomenon, particularly among the Muslim community in Malaysia through the approach including prevention and law enforcement carried out by certain organizations such as the Religious Enforcement Officer. The successful implementation of this legislation depends on the effective enforcement of the Religious Enforcement Officer. Thus, this study examines the concept of sharia criminal enforcement for the transgender and enforcement role especially in Malacca and identify issues and obstacles encountered in the enforcement of legal provisions against the transvestite. The study found law enforcement in Melaka still not reached an extraordinary level. One factor is the weakness of the provisions of the Sharia laws against these groups and the lack of Religious Enforcement Officer, equipment and operational movements. Efforts to improve the enforcement of these should be continuous based on current needs, that religion can be an enforcement of the relevant agencies to address errors of Islamic groups and transsexuals can handle moral issues that exist especially in Malacca.

Keywords: *sharia criminal, transvestism, enforcement, law*

PENGENALAN

Fenomena mak nyah bukanlah suatu kejadian yang khusus dalam kalangan masyarakat Malaysia sahaja. Bahkan, di tempat-tempat lain juga masih wujud golongan yang tidak dapat menerima hakikat jantina sendiri sebaliknya berlagak seperti jantina lawannya. Golongan ini mempunyai keyakinan dan kepercayaan bahawa jiwa sebenar mereka terkurung dalam tubuh badan dengan jantina yang salah. Dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia gejala ini merupakan satu fonemena yang semakin ketara dan amat membimbangkan. Fonemena ini bukan sahaja berlaku melibatkan remaja-remaja yang berpelesenan tetapi juga di institusi-institusi pengajian tinggi yang kita percaya boleh membentuk peribadi dan sahsiah pelajar, malahan juga lebih menyedihkan turut menyelinap dalam kumpulan profesional.

Golongan mak nyah ini semakin berani menuntut hak kebebasan untuk menjalankan kegiatan tidak bermoral mereka. Sekiranya kegiatan mereka seperti hubungan sejenis ini dihalang dan disekat, golongan ini akan memberontak dan menentang kononnya ini adalah hak asasi mereka yang tidak boleh dicabuli dan keadaan yang sama juga berlaku di Malaysia tanpa dapat disekat proses perkembangannya. Tidak semua golongan ini melakukan seks luar tabii dan gejala sosial yang lain kerana mungkin ada di antara mereka yang hanya lebih cenderung ke arah perwatakan dan pakaian seperti perempuan atau sebaliknya dan bukan semata-mata kerana keinginan seks. Walaubagaimanapun, perbuatan tersebut tetap dilarang di dalam Islam sebagaimana yang telah disepakati oleh ulama yang menganggap bahawa perbuatan tersebut termasuk dalam kategori haram. Islam juga melarang lelaki memakai pakaian perempuan atau menyerupainya dan begitu juga bagi perempuan. Larangan ini juga meliputi tentang gaya percakapannya, gerak-gerinya, cara berjalan dan sebagainya jika ia bertujuan untuk menyerupai seseorang yang berlainan dengannya (Norliah Sajuri, 2006; Yusuf al-Qaradhawi, 2007).

KEDUDUKAN MAK NYAH DALAM PANDANGAN ISLAM

Mak nyah di dalam bahasa arab dikenali sebagai *mukhannas*, berasal daripada perkataan *hanasa* yang bermaksud lembut, berpisah atau pecah seperti pecahnya mulut botol, tempayan atau bekas minuman. Secara umumnya *mukhannas* memberi maksud penyerupaan percakapan dari sudut lembut dan lunak serta menggoda seperti wanita. Mak nyah adalah merupakan lelaki yang menginginkan jantina yang berlawanan dengan jantina asalnya dan juga kecenderungan kepada sifat atau kelakuan keperempuanan sama ada dari segi percakapan, pakaian dan sebagainya (JAKIM, 2013).

Faktor penyumbang wujudnya golongan mak nyah ini antaranya adalah teknik asuhan diperingkat awal dengan didikan seks yang salah seperti anak lelaki yang dibesarkan dengan gaya dan penampilan seperti seorang perempuan. Faktor rakan sebaya turut mempengaruhi perlakuan golongan mak nyah apabila individu terbabit mempunyai lebih ramai kawan perempuan berbanding lelaki. Selain itu, keadaan ini boleh membawa kepada implikasi yang lebih buruk terutama apabila perbuatan songsang mereka dijadikan sebagai punca pendapatan kerana terdapat banyak peluang dan ruang untuk mereka menjalankan aktiviti-aktiviti tidak bermoral seperti pelacuran dan sebagainya.

Segala perbuatan yang bercangah dari syariat Islam adalah diharamkan dan termasuk dalam golongan dosa besar. Hal ini sama seperti perbuatan yang dilakukan oleh golongan mak nyah seperti homoseksual, pertukaran jantina dan meniru gaya penampilan jantina lain. Perbuatan-perbuatan tersebut adalah diharamkan sama sekali serta termasuk dalam golongan dosa-dosa besar. Firman Allah s.w.t dalam surah al-A'raf:

Maksudnya: *Dan Nabi Lut ketika ia berkata kepada kaumnya: "Patutkah kamu melakukan perbuatan yang keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun dari penduduk alam ini sebelum kamu?" Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk*

memuaskan nafsu syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas".

(Q: 7: 80-81)

Para ulama fiqh bersepakat tentang haramnya perbuatan homoseksual dan hukuman yang selayaknya perlu dikenakan ke atas pelakunya. Hal ini sepertimana yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadisnya yang bermaksud:

Maksudnya: *Siapa sahaja kamu dapati seseorang melakukan amalan kaum Lut (homoseksual), bunuhlah pelaku dan orang yang dilakukan perlakuan itu.*

(Ditakhrij oleh Abu Daud 4/158, Ibn Majah 2/856, at-Tarmizi 4/57 dan Darru Quthni 3/124).

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-4 yang bersidang pada 13-14 April 1982 telah membincangkan isu Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan. Muzakarah telah memutuskan bahawa pertukaran jantina dari lelaki kepada perempuan atau sebaliknya melalui pembedahan adalah haram di segi syarak kecuali khunsa musykil iaitu manusia yang dilahirkan mempunyai dua alat kemaluan lelaki dan perempuan, diharuskan pembedahan bagi mengekalkan salah satu alat jantina yang benar-benar berfungsi dapat digunakan mengikut keadaan yang sesuai.

Pembedahan yang dilakukan bagi menukar jantina lelaki kepada wanita atau sebaliknya merupakan seburuk-buruk amalan yang bercanggah dengan fitrah semulajadi manusia. Hal ini berlaku disebabkan dorongan hawa nafsu yang inginkan jantina yang diidamkan serta ceteknya pengetahuan agama individu berkenaan. Selain itu, pembedahan pertukaran jantina akan menimbulkan kesan yang buruk bagi kehidupan keluarga dan sosial. Ini kerana transeksual akan mengalami kemandulan yang tetap dan tidak mampu memberikan keturunan serta tidak dapat memenuhi keinginan biologi atau seksualnya secara normal dan juga dapat menimbulkan konflik di dalam rumah tangga disebabkan setelah berlakunya pertukaran jantina tersebut, maka ia tidak akan dapat menjalankan kewajipan sebagai suami atau isteri yang normal. Pergaulannya dengan masyarakat juga mengalami akan berhadapan dengan pelbagai kekangan fizikal dan psikologi. Selain itu, pembedahan pertukaran jantina ini bakal merumitkan lagi beberapa persoalan hukum. Dalam hukum Islam terdapat perbezaan yang banyak di antara lelaki dan perempuan melibatkan urusan ibadah, aqiqah, perwarisan, pernikahan dan lain-lain lagi. Sekiranya seseorang berhasil melakukan pertukaran jantina, maka akan berlaku kesulitan untuk melaksanakan ketetapan-ketetapan hukum Islam ke atasnya disebabkan kekeliruan pada statusnya sama ada sebagai lelaki ataupun wanita.

Islam melarang keras lelaki yang menyerupai wanita dan sebaliknya. Ini kerana hal tersebut boleh mengundang kepada perbuatan maksiat. Justeru itu, adalah tidak wajar bagi mereka untuk berperwatakan seperti wanita sama ada dari segi pakaian, sifat dan sebagainya, bahkan perbuatan tersebut dilaknat seperti yang dinyatakan oleh Rasulullah s.a.w dalam hadisnya yang bermaksud:

Maksudnya: *Rasulullah SAW melaknat lelaki yang bertingkah laku menyerupai perempuan dan perempuan yang bertingkah laku menyerupai lelaki.*

(Hadis riwayat Bukhari, 61. Abu Abdullah Muhammad Bin Ismail al-Bukhar, terjemahan: Dr Subhan Abdullah Idris, Ensiklopedia Hadits Sahih al-Bukhari 2, almahira, Jakarta, Bab Pakaian, hal, 509)

Sayyid Sabiq (1987) dalam kitabnya *Fiqh al-Sunnah* menyatakan Islam mengkehendaki wanita mengekalkan sifat keistimewaan pada dirinya dan menzahirkan keistimewaan itu dengan gambaran yang sebenar. Begitu juga sebaliknya bagi kaum lelaki. Oleh sebab itu, Islam melarang dan mengharamkan meniru jantina lain sama ada pakaian, percakapan, gerak geri dan sebagainya. Yusuf al-Qaradhawi (2007) berpendapat bahawa larangan ini termasuk meniru percakapan, gerak geri, lenggok jalan, pakaian dan sebagainya. Ia bukan sahaja dilaknat bahkan merupakan ancaman yang merbahaya kepada kehidupan bermasyarakat. Hal ini kerana sikap tersebut melanggar nilai normal dan menentang tabiat semulajadi, sedangkan lelaki dan perempuan dijadikan dengan keistimewaan masing-masing.

JENAYAH SYARIAH GOLONGAN MAK NYAH DI MALAYSIA

Sesungguhnya permasalahan golongan *transeksual* atau mak nyah juga melibatkan implikasi hukum dari segi perundangan syariah di Malaysia. Dalam undang-undang syariah di setiap negeri di Malaysia, terdapat peruntukan kesalahan terhadap golongan mak nyah antaranya ialah kesalahan lelaki yang memakai pakaian perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam dan juga liwat. Hukuman yang dikenakan bagi kesalahan jenayah lelaki berlagak seperti perempuan merupakan hukuman takzir. Para fuqaha telah mentakrifkan takzir sebagai suatu pembalasan yang tidak ditetapkan kadarnya, diwajibkan sama ada sebagai hak Allah atau hak manusia dalam setiap maksiat yang tiada pembalasan had dan kafarah, mempunyai tujuan yang sama seperti pembalasan had (hudud), iaitu memberikan pengajaran (ta'dib), mengadakan pemulihan (islah) dan mewujudkan ingatan yang menakutkan (zajr) (Mohd Afizul Hakim Ibakarim dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2017).

Maksiat yang dimaksudkan oleh para fuqaha ialah tindakan melanggar segala larangan syarak atau meninggalkan perintah yang telah diwajibkan oleh Allah SWT untuk dilakukan. Ulama fiqh turut menyatakan bahawa takzir merupakan hukuman yang tidak ditentukan dan berbeza daripada hudud dan qisas. Oleh sebab takzir mempunyai skop yang luas, maka terdapat peluang yang banyak dan luas kepada kadi, hakim dan pemerintah sesebuah negara Islam untuk menjatuhkan hukuman takzir mengikut apa-apa yang dirasakan setimpal (Mohd Afizul Hakim Ibakarim dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad, 2017).

PENGUATKUASAAN JENAYAH SYARIAH

Undang-undang dan penguatkuasaan adalah saling bergantung di antara satu sama lain. Oleh itu, penguatkuasaan adalah satu tindakan untuk memastikan masyarakat mematuhi undang-undang atau peraturan tertentu. Penguatkuasaan undang-undang lazimnya dijalankan oleh pihak berkuasa awam seperti anggota polis, pegawai narkotik dan lain-lain. Dalam konteks undang-undang jenayah syariah pula, penguatkuasaan terhadap undang-undang tersebut lazimnya dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Persekutuan atau perkhidmatan bersama, untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah enakmen tersebut atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam (Siti Zubaidah Ismail, 2008). Peranan yang dimainkan oleh PPA ini begitu penting kerana ia merupakan pelaksana dari segi penguatkuasaan undang-undang syariah atau penguatkuasaan jenayah syariah. Penguatkuasaan jenayah syariah merujuk kepada melaksanakan peraturan yang diperuntukkan di bawah mana-mana undang-undang Islam yang sedang berkuatkuasa seperti peruntukan yang terdapat di bawah enakmen kesalahan jenayah syariah negeri-negeri.

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di dalam Islam adalah lebih bertujuan untuk menyuruh masyarakat kepada kebaikan dan mencegah daripada berlaku kemungkaran. Ia juga dikenali sebagai hisbah. Hisbah merupakan elemen penting dalam memelihara masyarakat dari segi sosial, ekonomi dan politik. Ia berperanan sebagai sistem pengawasan terhadap sesebuah negara, masyarakat, institusi, organisasi dan individu. Pelaksanaan hisbah bermula dalam bentuk amalan sebagaimana yang dijalankan oleh Rasulullah s.a.w. Kemudian, ia berkembang menjadi sebuah badan, jabatan dan akhirnya dibentuk menjadi sebuah institusi yang utama dalam sistem pentadbiran Islam (Azrin Ibrahim, 2015). Situasi dan perkembangan hisbah yang berlaku pada era Islam ini memperlihatkan pentingnya pengalaman dan pelaksanaan hisbah dilakukan secara sistematik dalam sesebuah pengurusan dan pentadbiran Islam. Ia didasari oleh ajaran Islam yang bersumberkan al-Quran dan hadis serta mengikut praktikal yang diperkenalkan oleh Rasulullah s.a.w.

Justeru, penguatkuasaan undang-undang syariah merupakan suatu mekanisma penting dalam pemerintahan Islam. Kewujudannya mampu memberi impak yang berkesan terutama dalam muamalah sesama manusia. Perkara-perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t hendaklah dicegah daripada berlaku dalam kalangan masyarakat. Walaupun penguatkuasaan undang-undang syariah ini menimbulkan kritikan dan tohmahan daripada masyarakat seperti hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah syariah adalah bersifat menghina, kolot, menghalang kebebasan individu dan menjatuhkan maruah wanita khususnya bagi hukuman sebat syariah dan lain-lain lagi, namun Pegawai Penguatkuasa Agama perlu terus optimis untuk membantu pihak pentadbir dalam memastikan undang-undang syariah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Pegawai Penguatkuasa Agama juga perlu bertindak secara pro-aktif

dalam menguatkuasakan undang-undang dengan mengikuti segala peraturan dan garis panduan yang telah ditetapkan.

ISU DAN MASALAH PENGUATKUASAAN JENAYAH SYARIAH GOLONGAN MAK NYAH DI NEGERI MELAKA

Dalam menguatkuasakan undang-undang bagi jenayah syariah golongan mak nyah di Negeri Melaka, beberapa isu dapat dikenalpasti. Antaranya seperti berikut:

Peruntukan undang-undang yang tidak jelas

Konflik yang timbul pada kesalahan syariah golongan mak nyah antaranya ialah peruntukan perundangan sedia ada tidak jelas, cukup dan teratur sehinggakan perlaksanaannya juga sukar dilaksanakan secara efisien. Hal ini menyebabkan juga timbulnya ketidak keberkesanan penguatkuasaan terhadap kesalahan golongan tersebut. Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia ini mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mak nyah dalam negeri masing-masing walaupun bidang kuasa itu amat terhad. Peruntukan bagi kesalahan syariah golongan mak nyah di Negeri Melaka adalah dibawah seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, yang memperuntukkan di seperti berikut; *“Seseorang lelaki yang memakai pakaian seperti perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah merupakan satu kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 1,000.00 atau penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.”*

Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 secara ringkasnya telah menyatakan dua ciri yang boleh mensabitkan bahawa seseorang telah melakukan kesalahan syariah lelaki berlagak seperti perempuan sekiranya berjaya dibuktikan. Ciri tersebut adalah memakai pakaian seperti perempuan dan berlagak seperti perempuan. Berdasarkan peruntukan Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, pendakwa syarie boleh menuduh pesalah tersebut berdasarkan seksyen tersebut. Hukuman boleh dijatuhkan terhadap tertuduh dengan salah satu daripada tiga bentuk hukuman yang diperuntukkan, iaitu sama ada menjatuhkan hukuman denda tidak melebihi RM 1,000.00 atau penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Peruntukan denda dan hukuman yang sedia ada terhadap kesalahan lelaki berlagak seperti perempuan dilihat sedikit, rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan moral yang dilakukan. Ini kerana kebanyakan pesalah lelaki berlagak seperti perempuan mampu membayar hukuman denda yang disabitkan kesalahan kerana terdapat daripada kalangan mereka mendapat bantuan dan sokongan daripada pihak NGO tertentu. Antara NGO di Malaysia yang memperjuangkan hak sama rata bagi golongan-golongan mak nyah ini ialah Justice for Sisters dan Pertubuhan Pembangunan Kebajikan Dan Persekitaran Positif Malaysia (SEED). Selain daripada bantuan dari pihak NGO tertentu, golongan mak nyah ini juga mempunyai persatuan mereka sendiri. Oleh itu, dengan bayaran denda yang agak rendah tidak memberi kesulitan bagi kebanyakan mak nyah yang disabitkan

kesalahan di bawah Seksyen 72 kerana bayaran denda itu dilangsaikan oleh persatuan tersebut.

Kekurangan kualiti penguatkuasaan

Kekurangan kualiti penguatkuasaan seperti kurang terlatih dalam pengetahuan dan kemahiran untuk menguatkuasakan undang-undang, ketangkasan fizikal dan sebagainya menyebabkan wujud kelemahan dalam penguatkuasaan. Hal ini mengakibatkan berlakunya insiden seperti salah tangkap, tidak mematuhi prosedur dan undang-undang, tidak mahir dalam menjalankan tugas-tugas pencegahan dan penyiasatan serta tidak mampu membenteras dan menangani kesalahan-kesalahan syariah yang berlaku. Perkara ini turut berlaku kepada Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka di dalam menangani kesalahan syariah golongan mak nyah dimana sebahagian mereka dilihat masih lagi tidak mampu untuk membenteras dan menangani kesalahan syariah golongan tersebut di Negeri Melaka. Kebanyakan Pegawai Penguatkuasa Agama berkelulusan dalam bidang Pengajian Islam, Syariah atau Pendidikan Islam, namun tidak semuanya mempunyai kemahiran latarbelakang dalam undang-undang syariah. Justeru kewujudan dasar, panduan serta manual bagi memudahkan cara pelaksanaan keadilan jenayah adalah amat penting, lebih-lebih lagi apabila mengambil kira bahawa semua penguatkuasa agama tidak mempunyai latar belakang undang-undang syariah. Selain itu, kesukaran timbul kerana pemahaman undang-undang syariah khususnya berkaitan akta, enakmen / ordinan kesalahan jenayah syariah serta enakmen tatacara jenayah syariah merupakan perkara asas dalam menjalankan tugas harian. Namun, kita tidak boleh mengharapkan bahawa pada saat mereka ini dilantik sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam dan Pembantu Hal Ehwal Islam di dalam Bahagian Penguatkuasaan Agama, mereka akan terus diberi latihan dan kursus intensif perundangan syariah. Selain itu juga kebanyakan mereka akan lebih belajar dari pengalaman dan menerima latihan dalam kerja (*on-the-job-training*) sewaktu menjalankan operasi pencegahan maksiat dan bekerjasama dengan pegawai yang lebih senior.

Kekurangan anggota Pegawai Penguatkuasa Agama dan kelengkapan peralatan penguatkuasaan

Selain itu, kekurangan anggota Pegawai Penguatkuasa Agama dan kelengkapan peralatan penguatkuasaan juga di antara penyebab berlaku ketidakkeberkesanan dalam menangani kesalahan syariah golongan mak nyah di Negeri Melaka. Oleh yang demikian kekuatan anggota dan kelengkapan peralatan perlu ditambah bagi memberi keberkesanan penguatkuasaan dalam menangani kesalahan syariah golongan mak nyah.

Jadual 1: Peralatan Operasi Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka

BIL	PERALATAN	KUANTITI
1	Gari	5
2	Kamera DSLR	1
3	Kamera Mini	2
4	Perakam Video	1
5	Beg Operasi	2
6	Walkie Talkie	10
7	Lampu Suluh	5

Daripada pemerhatian penyelidik, peralatan penguatkuasaan yang sedia ada tidak dapat dibekalkan untuk kegunaan pegawai penguatkuasa yang ditempatkan di daerah-daerah. Oleh yang demikian dengan bilangan peralatan dan kuantiti peralatan yang sedia ada tidak mencukupi bagi menangani kesalahan-kesalahan syariah di Negeri Melaka.

Kekurangan Pegawai Penguatkuasa Agama di setiap Jabatan Agama Islam Negeri adalah suatu kelemahan utama dalam penguatkuasaan undang-undang. Keterikatan perjawatan Pegawai Penguatkuasa Agama dengan waran yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam menyebabkan pegawai kerap bertukar dan berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain. Masalah pegawai-pegawai di Jabatan Agama Islam semenangnya menjadi kekangan yang sentiasa membelenggu Bahagian Penguatkuasaan. Disebabkan Bahagian Penguatkuasaan ini berada sebumbung dengan bahagian-bahagian lama dalam kompenan Jabatan Agama Islam Negeri, maka pegawai-pegawai akan terdedah kepada pertukaran antara bahagian. Selain itu, apabila seseorang Pegawai Penguatkuasa Agama yang sudah berkhidmat lama dalam Bahagian Penguatkuasaan, kemudian diarahkan bertukar ke Bahagian lain seperti Bahagian Dakwah, Masjid dan sebagainya, maka dengan ini kemahirannya dalam penyiasatan, tangkapan dan risikan akan disiasikan. Bahkan ianya menjadi masalah kepada Bahagian Penguatkuasaan untuk melatih semula pegawai-pegawai yang baharu. Ketiadaan pegawai yang berpengalaman sedikit sebanyak menyebabkan proses di Bahagian Penguatkuasaan sering kali berhadapan dengan masalah. Analisis sumber dokumen yang dibuat oleh penyelidik mendapati bilangan keseluruhan Pegawai Penguatkuasa Agama Negeri Melaka seramai 48 anggota pelbagai kategori. Daripada 48 anggota Pegawai Penguatkuasa Jabatan Agama Islam Melaka, seramai 35 anggota ditempatkan di Ibu Pejabat dan 13 anggota di daerah iaitu 5 anggota di Pejabat Agama Islam Daerah Jasin, 4 anggota di Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah dan 4 anggota lagi di Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah. Walaubagaimanapun jumlah tersebut masih tidak mencukupi bagi melaksanakan penguatkuasaan kesalahan syariah golongan mak nyah dan juga kesalahan-kesalahan syariah yang lain di Negeri Melaka.

Perancangan dan pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan dan pencegahan yang lebih sistematik dan berkesan adalah penting bagi menangani

jenayah syariah yang berlaku. Analisis dokumen yang dibuat terhadap Statistik Kesalahan Syariah seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991(Lelaki Berlagak Seperti Perempuan) Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka daripada tahun 2010-2015 menunjukkan bahawa terdapat kekurangan kes kesalahan syariah golongan mak nyah di Negeri Melaka. Namun begitu, daripada analisis dokumen Data Laporan Gerakan bagi kesalahan Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991(Lelaki Berlagak Seperti Perempuan) Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka daripada tahun 2010-2015 juga menunjukkan bahawa terdapat kekurangan gerakan operasi dan penguatkuasaan kesalahan syariah golongan mak nyah yang dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka. Hal ini dapat dilihat pada jadual 2 seperti dibawah.

Jadual 2: Analisis Kes dan Gerakan Operasi Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (Lelaki Berlagak Seperti Perempuan) Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka.

Statistik Kes Kesalahan Syariah Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (Lelaki Berlagak Seperti Perempuan)

Tahun 2010 – 2015

Kes 2010	Kes 2011	Kes 2012	Kes 2013	Kes 2014	Kes 2015
24	27	38	18	10	6

Data Laporan Gerakan Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991(Lelaki Berlagak Seperti Perempuan)

Tahun 2010 – 2015

Gerakan Ops 2010	Gerakan Ops 2011	Gerakan Ops 2012	Gerakan Ops 2013	Gerakan Ops 2014	Gerakan Ops 2015
13	20	25	14	8	11

Daripada analisis kedua-dua dokumen menunjukkan kekurangan kes kesalahan syariah golongan mak nyah yang berlaku di Negeri Melaka bukanlah disebabkan keberkesanan gerakan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Bahagian ini tetapi disebabkan kekurangan gerakan operasi dan penguatkuasaan yang dijalankan.

Respon Pesalah Syariah Golongan Mak Nyah

Selain dari itu, kesan ke atas pesalah syariah golongan mak nyah daripada penguatkuasaan yang dijalankan juga memberi pengaruh terhadap tahap keberkesanan bagi menangani kesalahan syariah golongan tersebut. Analisis dokumen yang dibuat terhadap Senarai Daftar Pesalah Syariah seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (Lelaki Berlagak Seperti Perempuan) dari Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka dari tahun 2010 hingga tahun 2015, menunjukkan bahawa terdapat 6 orang pesalah syariah golongan mak nyah di Negeri Melaka sering ditahan dan mengulangi kesalahan yang sama. Pesalah pertama pernah ditahan sebanyak 3 kali oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Melaka iaitu sekali pada tahun 2010, 2012 dan 2014. Bagi pesalah kedua pernah ditahan sebanyak 5 kali iaitu sekali pada tahun 2010 dan 2012, manakala pada tahun 2013 sebanyak 3 kali dalam bulan yang berbeza. Pesalah ketiga pernah ditahan sebanyak 3 kali iaitu 2 kali pada tahun 2010 dan sekali pada tahun 2012. Pesalah keempat pula pernah ditahan sebanyak 2 kali iaitu sekali pada tahun 2010 dan sekali pada tahun 2011. Bagi pesalah kelima pernah ditahan sebanyak 5 kali iaitu 2 kali pada tahun 2011, sekali pada tahun 2013, sekali pada tahun 2014 dan sekali pada tahun 2015 dan pesalah keenam pula pernah ditahan sebanyak 2 kali iaitu pada tahun 2015 dalam bulan yang berbeza. Daripada analisis dokumen tersebut juga menunjukkan bahawa kesemua pesalah tersebut ditahan oleh Pegawai Penguat Kuasa Agama Jabatan Agama Islam Melaka di atas kesalahan yang sama iaitu kesalahan syariah dibawah Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 (Lelaki Berlagak Seperti Perempuan).

Masalah-masalah yang dilakukan oleh golongan mak nyah semasa penguatkuasaan dijalankan oleh Pegawai Penguatkuasa Agama seperti bertindak agresif, melarikan diri, menyerang Pegawai Penguatkuasa agama, memaki hamun dengan kata-kata lucah dan buruk boleh mengurangkan kelicinan keberkesanan penguatkuasaan bagi menangani kesalahan syariah golongan tersebut. Sebagai contoh pada sekitar bulan November 2015, seorang pegawai penguatkuasa agama JAIM telah diperlakukan secara kasar, apabila seorang mak nyah cuba menumbuk pegawai berkenaan di dalam satu operasi cegah jenayah syariah yang dijalankan oleh bahagian tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa selain daripada menimbulkan permasalahan semasa penguatkuasaan yang dijalankan, golongan mak nyah ini juga mula mencabar penguatkuasaan syariah di negara ini, walaupun penguatkuasaan undang-undang syariah di Malaysia telah diwujudkan bagi menangani gejala tersebut. Selain itu kebanyakan mereka juga terdedah dengan penyakit HIV dan ini juga boleh menimbulkan permasalahan dalam menangani kesalahan syariah golongan tersebut. Laporan tahunan Kementerian Kesihatan Malaysia pada 2016 bertajuk *Global AIDS response progress report Malaysia 2016 in ending AIDS by 2030* menyatakan bahawa golongan mak nyah dan lelaki homoseksual adalah di antara golongan yang paling terkesan dengan dengan epidemik AIDS dan HIV selain daripada penagih dadah dan pelacur wanita.

CADANGAN

Peruntukan undang-undang syariah di dalam enakmen-enakmen negeri hendaklah diperketatkan atau ditambah bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan kesalahan syariah golongan mak nyah. Kesalahan jenayah syariah seperti berpakaian menyerupai perempuan perlu dinaikkan kedudukannya menjadi kesalahan boleh tangkap iaitu penangkapan yang tidak memerlukan waran tangkapan. Sehubungan itu jumlah denda yang diperuntukkan dalam enakmen jenayah atau kesalahan syariah perlu dipertingkatkan dan dinaikkan sekurang-kurangnya dua kali ganda. Jangka masa untuk hukuman penjara juga perlu ditambah bagi menanam rasa takut dalam kalangan pesalah agar tidak melakukan kesalahan tersebut.

Penubuhan Pusat Pemulihan golongan mak nyah juga perlu diperuntukan dalam perundangan supaya ia menjadi mandatori bagi setiap negeri untuk mewujudkannya. Ia amat relevan kerana setelah didakwa dan disabitkan kesalahan, pusat ini merupakan destinasi seterusnya bagi golongan mak nyah selain daripada hukuman denda. Pusat pemulihan ini diwujudkan antaranya adalah bagi menjalani sesi kaunseling dan diberikan didikan agama oleh Pegawai Jabatan Agama Islam dengan kerjasama dari agensi atau jabatan lain seperti Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan untuk melengkapkan latihan fizikal atau *fitness* kepada golongan ini agar cenderung kepada cara dan gaya hidup lelaki sebenar.

Kemahiran dengan latihan profesional jangka pendek dan panjang perlu diwujudkan di samping memperkemaskan undang-undang seperti program latihan yang memberi penekanan kepada aspek pengetahuan undang-undang, teknik-teknik penyiasatan atau kemahiran, kemahiran yang memerlukan tindakan fizikal seperti latihan mempertahankan diri dan cara-cara tangkapan serta penguatkuasaan dan sebagainya. Selain itu Bahagian Penguatkuasaan perlu merancang modul atau kurikulum latihan dilaksanakan dalam tempoh jangka masa tertentu bagi memastikan modul-modul ini seiring dengan perubahan informasi dan piawai penguatkuasaan. Setelah diberikan latihan kepada Pegawai-pegawai Penguatkuasa Agama, Bahagian Penguatkuasaan perlulah menilai tahap pengetahuan dan kemahiran pegawai-pegawai tersebut dengan cara diberikan ujian atau peperiksaan mengikut modul yang telah dirancang.

Secara umumnya mana-mana agensi penguat kuasa pasti memerlukan alat-alat bantuan untuk membuat siasatan dan penguatkuasaan. Oleh itu, membekalkan Pegawai Penguatkuasa Agama dengan peralatan yang sesuai merupakan satu usaha yang perlu dilakukan. Keperluan kepada peralatan tersebut juga perlu ditingkatkan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian modal dan rekaan terbaru. Di samping itu, Pegawai Penguatkuasa Agama juga perlu dibekalkan dengan senjata yang bersesuaian. Peralatan senjata tersebut adalah bagi tujuan mempertahankan diri dan keselamatan Pegawai Penguatkuasa Agama semasa menjalankan tugas daripada menghadapi ancaman dan cabaran.

KESIMPULAN

Pelbagai faktor boleh menyumbang kepada gejala mak nyah ini samada bersifat dalaman mahupun luaran. Masalah undang-undang syariah sedia ada, menjadi faktor keberkesanan penguatkuasaan kesalahan syariah golongan Mak Nyah tidak dapat dijalankan dengan baik disebabkan terdapat undang-undang syariah terhadap kesalahan golongan tersebut yang perlu kepada penambahbaikan. Sehubungan itu, peruntukan undang-undang sedia ada yang ringan dan longgar menjadikan proses penguatkuasaan seolah-olah diambil ringan tanpa usaha yang serius. Melalui temu bual, walaupun terdapat penurunan tangkapan kesalahan di bawah Seksyen 72 (lelaki berlagak perempuan) di negeri Melaka, namun ia bukanlah petunjuk bahawa pesalah-pesalah ke atas kesalahan di bawah Seksyen 72 ini tidak ramai dan masih terkawal. Malah pihak Jabatan Agama Islam Negeri Melaka sendiri mengakui bahawa gejala ini sukar untuk diatasi disusuli dengan pelbagai kelemahan teknikal.

Faktor, kualiti dan kuantiti Pegawai Penguatkuasa Agama juga menjadi isu dalam membincangkan isu-isu penguatkuasaan kesalahan syariah golongan mak nyah. Latihan kemahiran Pegawai Penguatkuasa Agama secara sistematik diperlukan untuk menyelesaikan masalah ini. Selain itu aspek-aspek pengurusan pentadbiran penguatkuasaan juga perlu diberi perhatian seperti menyediakan faktor-faktor sokongan seperti skim perkhidmatan Pegawai Penguatkuasa Agama, peralatan penguatkuasaan, penyiasatan dan senjata yang bersesuaian. Program-program perlu disusun dan dibuat berdasarkan teori dan praktikal agar dapat memperkasakan setiap Pegawai Penguatkuasa Agama. Kejayaan penguatkuasaan ini tidak akan terlaksana dengan baik jika tidak ada sokongan orang ramai membanteras perlakuan kesalahan yang berkaitan dengan golongan Mak Nyah dengan memberikan maklumat kepada pihak Pegawai Penguatkuasa Agama. Kerajaan juga perlu menilai kembali polisi sokongan kepada penguatkuasaan kesalahan-kesalahan syariah dengan menyelesaikan perkara-perkara teknikal dengan lebih bersungguh-sungguh. Usaha ini nanti mungkin dapat memartabatkan kembali keagungan penguatkuasaan Agama di Malaysia.

RUJUKAN

- As-Sayyid Sabiq. (1987/140H). *Fiqh as-Sunnah*: Dar al-Kitab al-Arabiyy.
- Azrin Ibrahim. (2015). *Kepentingan Hisbah Dan Amalannya di Malaysia*: Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari.
- Bahagian Pengurusan Fatwa Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia*: Bab 4: Perubatan, Pertukaran Jantina Daripada Lelaki Kepada Perempuan.
- Hadis-Hadis Sahih Berkaitan Perlakuan LGBT (Lesbian, Gay, Biseksual Dan Transgender)*: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2013). *Manual Islam & Mak Nyah*: Tinta Sdn.Bhd, Selangor, Jabatan Kemajuan Islam, Malaysia.

- Marziana Abd. Malib Dan Mimi Sofiah Ahmad Mustafa. (2014): *Gejala Transeksual: Implikasi Yang Membimbangkan, Bagaimana Keprihatinan Kita: Journal of Business and Social Development Volume 2 Number 2, UiTM Melaka.*
- Mohd. Afizul Hakim Ibakarim dan Nasrul Hisyam Nor Muhamad. (2017). *Kesalahan Lelaki Berlagak Seperti Perempuan: Keberkesanan Undang-undang Jenayah Syariah di Johor: 29, KANUN (1), Universiti Teknologi Malaysia.*
- Mohd Izwan bin Md Yusof, Muhd Najib bin Abdul Kadir, Mazlan bin Ibrahim, Khadher bin Ahmad Dan Murshidi bin Mohd Noor, (2015).
- Norliah Sajuri. (2006). *Kertas Kerja Pertukaran Status Jantina Dalam Mykad dan Impikasinya: Jurnal Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.*
- Siti Zubaidah Ismail. (2008). *Dasar Penguatkuasaan Dan Pendakwaan Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis: Jurnal Syariah.*
- Yusuf al-Qaradhawi. (2007). *Halal Wa al-Haram Fi al-Islam: Maktabah Wahbah, Kaherah, Mesir.*
- Zahazan Bin Mohamed. (2012). *Hukum Pembedahan Pertukaran Jantina Dari Perspektif Islam: Konvensyen Fiqh Perubatan 2012: Hospital Sultanah Ba'iyah, Alor Setar Kedah.*

DOKUMEN-DOKUMEN

- Carta Organisasi Pelaksanaan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka, Carta Organisasi Pejabat Agama Islam Daerah Melaka Tengah, Melaka.
- Carta Organisasi Pejabat Agama Islam Daerah Jasin, Melaka dan Carta Organisasi Pejabat Agama Islam Daerah Alor Gajah, Melaka.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Melaka) 2002.
- Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.
- Senarai Daftar Pesalah Syariah Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991(Lelaki Berlagak Seperti Perempuan) dari tahun 2010-2015.

RUJUKAN INTERNET

- <http://musaawang.blogspot.my/2010/08/penguatkuasa-agama-perlu-pertingkat.html>
- <http://e-muamalat.gov.my/garis-panduan-penguatkuasaan-undang-undang-jenayah-syariah-dilancar>
- <http://www.themalaymailonline.com>, 24 November 2015.